

Bil. S 131

**UNDANG2 LALU-LINTAS JALAN RAYA, 1954
(BIL. 12 TAHUN 1954)**

**PERATORAN2 LALU-LINTAS JALAN RAYA
(PEREDARAN ANTARABANGSA) 1977
(Di-perbuat di-bawah Bab 88 dari Undang2 Lalu-Lintas
Jalan Raya)**

Pada menjalankan kuasa2 yang di-beri kapada-nya oleh Bab 88 dari Undang2 Lalu-Lintas Jalan Raya, 1954, maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat dengan ini membuat Peratoran2 berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran. 1. Peratoran2 ini boleh di-gelar sa-bagai Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya (Peredaran Antarabangsa), 1977.

Tafsiran. 2. Di-dalam Peratoran2 ini, kechuali kandungan-nya berkehendakan ma'ana2 yang lain, perkataan2 berikut ada-lah mempunyai ma'ana2 yang di-beri kapada-nya masing2:—

“Luar negeri” berma'ana sa-barang tempat di-luar Negeri Brunei;

“Konvenshen 1949” berma'ana Konvenshen Bangsa2 Bersatu mengenai Lalu-Lintas Jalan Raya yang di-buat di-Geneva pada 19hb September, 1949;

“Permit Memandu Antarabangsa” berma'ana sa-suatu permit dalam bentok yang di-tetapkan dalam Konvenshen 1949 yang di-keluarkan oleh pihak berkuasa yang layak dalam Negeri Brunei atau pihak berkuasa yang layak dari sa-sa-buah negeri yang menyertai Konvenshen tersebut;

“Permit Memandu Dalam Negeri” berma'ana sa-suatu dokumen yang di-keluarkan di-bawah undang2 sa-sabuah negeri yang menyertai Konvenshen 1949 dan membenarkan pemandu itu memandu kenderaan bermotor atau sa-suatu jenis atau jenis2 kenderaan bermotor yang di-tetapkan dalam negeri itu;

“Undang2” berma’ana Undang2 Lalu-Lintas Jalan Raya, 1954;

“Sijil Pendaftaran” berma’ana sa-suatu sijil atau buku yang di-keluarkan di-bawah undang2 sa-sabuah negeri yang menyertai Konvenshen 1949 itu dan mengandongi nombor susunan atau nombor pendaftaran, nama atau tanda perniagaan pembuat kenderaan bermotor itu, nombor pengenalan dan nombor susunan pembuat, tarikh pendaftaran pertama dan nama penoh dan tempat kediaman tetap tuan punya itu.

Lantekan Pehak Berkuasa Pendaftaran.

3. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* melantek mana2 Pegawai Melesen sa-bagai Pehak Berkuasa Pendaftaran bagi maksud2 Peratoran2 ini.

BAHAGIAN II

KENDERAAN2 BERMOTOR DAN PEMANDU2 BRUNEI YANG HENDAK PERGI KELUAR NEGERI.

Kereta2 Brunei yang pergi keluar negeri.

4. Sa-siapa yang ingin untuk menggunakan di-luar negeri sa-sabuah kenderaan bermotor yang di-daftarkan dalam Negeri ini hendak-lah mempunyai suatu sijil pendaftaran dan kenderaan bermotor itu hendak-lah memenohi sharat2 yang di-tetapkan dalam Konvenshen 1949 itu.

Pemandu2 Brunei yang pergi keluar negeri.

5. (1) Terta’alok kapada perenggan (2) Pehak Berkuasa Pendaftaran boleh mengeluarkan untuk di-gunakan di-sabuah negeri luar yang menyertai Konvenshen 1949 sa-suatu Permit Memandu Antarabangsa dalam borang yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Sa-suatu Permit Memandu Antarabangsa tidak boleh di-keluarkan kapada sa-siapa pun melainkan ia memuaskan hati Pehak Berkuasa Pendaftaran bahawa: —

- (i) ia tidak berumur di-bawah delapan belas tahun; dan bahawa
- (ii) ia memegang suatu lesen memandu yang membenarkan-nya untuk memandu kenderaan bermotor dari kelas atau jenis yang ia akan dibenarkan oleh Permit Memandu Antarabangsa yang di-pohonkan itu untuk memandu.

(3) Maka hendak-lah di-kenakan bayaran sa-banyak \$15.00 ka-atas pengeluaran sa-suatu Permit Memandu Antarabangsa.

(4) Tiada sa-barang Permit Memandu Antarabangsa boleh di-keluarkan sa-hingga pemohon itu telah membayar kapada Pehak Berkuasa Pendaftaran bayaran yang di-tetapkan oleh peratoran ini.

BAHAGIAN III

KENDERAAN2 BERMOTOR YANG TIBA DI-NEGERI INI DARI LUAR NEGERI.

**Pemohonan untuk
mendapatkan
Permit2 Peredaran
Antarabangsa.**

6. (1) Sa-siapa yang hanya tinggal sementara dalam Negeri ini yang membawa sa-buah kenderaan bermotor ka-dalam Negeri ini dari sa-buah negeri luar yang menyertai Konvenshen 1949 dan yang ingin untuk mendapatkan suatu Permit Peredaran Antarabangsa di-bawah Peratoran2 ini bagi kenderaan itu hendak-lah memohon kapada Pehak Berkuasa Pendaftaran sa-chara permohonan dalam borang yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua kapada Peratoran2 ini. Sijil pendaftaran bagi kenderaan bermotor itu hendak-lah di-sertakan dengan permohonan itu.

(2) Tiada sa-siapa pun boleh di-kechualikan di-bawah sharat2 Peratoran 18 dari membayar bayaran lesen untuk kenderaan bermotor, melainkan ia ada-lah pemegang suatu Permit Peredaran Antarabangsa.

**Bentuk Permit2
Peredaran Antara-
bangsa.**

7. (1) Permit2 Peredaran Antarabangsa hendak-lah dalam bentuk yang di-nyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Permit Peredaran Antarabangsa hendak-lah di-bawa di-kenderaan bermotor dengan sa-chara sa-olah2 ia-nya suatu lesen untuk sa-sabuah kenderaan bermotor yang di-keluarkan di-bawah sharat2 Bab 8 dari Undang2 dan sharat2 Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya, berthabit dengan memasang dan menunjokkan tanda2 pengenalan bagi lesen tersebut, dan bentuk pemegang-nya, hendak-lah di-kenakan sa-demikian jua.

(3) Pehak Berkuasa Pendaftaran boleh jika pada fikir-an-nya patut membekalkan kapada orang kapada siapa suatu Permit Peredaran Antarabangsa di-keluarkan jika ia ingin suatu pemegang-nya dan mengenakan bayaran ka-atas-nya.

- Sijil Pendaftaran.** 8. Suatu sijil pendaftaran yang mengandongi butir2 keterangan berthabit dengan kenderaan bermotor terhadap mana ia-nya di-keluarkan sa-bagaimana Pegawai Melesen boleh dari masa ka-sa-masa mengarahkan hendak-lah di-keluarkan kepada sa-tiap tuan punya kenderaan bermotor terhadap mana suatu Permit Peredaran Antarabangsa di-keluarkan. Sijil pendaftaran hendak-lah di-tunjokkan untuk pemeriksaan oleh tuan punya itu pada bila2 masa yang berpatutan apabila di-pinta oleh sa-sa-orang pegawai polis atau mana2 pegawai yang di-beri kuasa sa-chara bertulis bagi maksud itu oleh Pegawai Melesen.
- Mengubah rupa Permit Peredaran Antarabangsa atau Sijil Pendaftaran.** 9. (1) Tiada sa-siapa pun boleh mengubah rupa atau merosakkan mana2 Permit Peredaran Antarabangsa atau sijil pendaftaran atau mengubah atau memadam sa-barang chatitan yang di-buat di-dalam-nya atau membuat sa-barang tambahan kepada-nya atau membuat atau menunjukkan sa-barang Permit Peredaran Antarabangsa atau sijil pendaftaran yang palsu.
- (2) Jika sa-suatu Permit Peredaran Antarabangsa atau sijil pendaftaran yang di-keluarkan oleh Pehak Berkuasa Pendaftaran di-bawah Peratoran2 ini telah hilang, musnah atau dengan tidak sengaja di-ubah rupa-nya, maka tuan punya kenderaan bermotor itu hendak-lah memohon kepada Pehak Berkuasa Pendaftaran supaya di-keluarkan kepada-nya satu salinan permit atau sijil pendaftaran, mengikut sa-bagaimana keadaan-nya, dan Pehak Berkuasa Pendaftaran, apabila berpuas hati terhadap kehilangan, kemusnahan atau perubahan rupa itu, dan jika permit atau sijil pendaftaran telah dengan tidak sengaja di-ubah rupa-nya, apabila di-serahkan permit atau sijil pendaftaran yang berubah rupa itu, boleh mengeluarkan suatu salinan-nya apabila di-bayar bayaran sa-banyak \$2.00, dan salinan yang di-keluarkan itu ada-lah mempunyai kesan yang sama saperti permit atau sijil pendaftaran yang asal.
- Pengeluaran Permit2 Peredaran Antarabangsa.** 10. Apabila di-terima oleh Pehak Berkuasa Pendaftaran suatu permohonan yang telah di-buat menurut syarat2 Peratoran 6(1) dari Peratoran2 ini bagi suatu Permit Peredaran Antarabangsa, maka Pehak Berkuasa Pendaftaran kepada mana permohonan di-buat boleh, jika ia berpuas hati bahawa tuan punya itu hanya tinggal buat sementara dalam Negeri ini dan bahawa kenderaan terhadap mana permohonan di-buat telah di-bawa oleh tuan punya itu ka-dalam Negeri ini dari sa-buah negeri luar yang menyertai Konvenshen 1949 —

- (i) mengeluarkan kepada tuan punya itu suatu Permit Peredaran Antarabangsa;
- (ii) menchatit di-dalam-nya sa-belum mengeluarkan permit tersebut —
 - (a) huruf atau huruf2 pendaftaran dan nombor pendaftaran kenderaan itu;
 - (b) tarikh sa-hingga mana Permit Peredaran Antarabangsa itu sah di-pakai; dan
 - (c) chap atau lain2 tanda yang memadai menunjukkan Pihak Berkuasa Pendaftaran yang mengeluarkan permit itu serta tarikh pengeluaran-nya;
- (iii) menyediakan dan mengeluarkan kepada tuan punya yang sa-demikian itu sijil pendaftaran dengan menchatit keterangan yang bersesuaian di-sijil itu;
- (iv) menyimpan permohonan itu:

Dengan syarat bahawa tiada Permit Peredaran Antarabangsa boleh di-keluarkan oleh Pihak Berkuasa Pendaftaran melainkan dan sa-hingga telah di-tunjokkan kepada Pihak Berkuasa itu berthabit dengan kenderaan yang di-nyatakan tadi suatu sijil insuran, sijil jaminan atau sijil insuran asing yang memenohi kehendak2 Undang2 Insuran Kenderaan Bermotor (Bahaya2 Pihak Ketiga) (Penggagal 90) dan yang sah di-pakai selama tempoh permit itu terhadap mana permohonan telah di-buat.

Tanda2 pengenalan kenderaan2 yang di-bawa masuk ka-dalam Negeri ini dari luar negeri.

11. Tanda pengenalan sa-sabua kenderaan bermotor terhadap mana Permit Peredaran Antarabangsa di-keluarkan ialah —

- (i) tanda pengenalan untuk peredaran antarabangsa yang di-keluarkan berthabit dengan kenderaan bermotor itu di-negeri asal-nya;
atau
- (ii) jika negeri asal itu telah tidak memberikan suatu tanda pengenalan, tanda pengenalan sa-bagaimana yang Pegawai Melesen boleh menetapkan.

Membawa tanda2 pengenalan.

12. (1) Sa-suatu tanda pengenalan sa-bagaimana yang di-tetapkan dalam Peratoran II dari Peratoran2 ini hendak-lah di-bawa oleh kenderaan bermotor itu terhadap mana suatu Permit Peredaran Antarabangsa telah di-keluarkan dan hendak-lah di-tunjokkan dengan sa-chara sa-olah2 ia-nya suatu tanda pengenalan yang di-tetapkan menurut Bab 5 dari Undang2, dan menurut Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya, tentang besar, bentok, huruf dan nombor pendaftaran-nya:

Dengan syarat bahawa jika tanda pengenalan atau pelet di-mana ia-nya di-tunjokkan tidak menurut bentok, warna, sukatan, huruf, nombor atau pun syarat2 yang di-nyatakan dalam Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya maka ia-nya hendak-lah menurut dalam hal2 itu dengan undang2 negeri di-mana tanda pengenalan bagi kenderaan bermotor itu telah di-tetapkan kechuali dalam sa-tiap perkara huruf2 itu hendak-lah huruf2 Rumi dan angka2 itu angka2 Eropah yang biasa.

(2) Pehak Berkuasa Pendaftaran boleh jika di-fikirkan-nya patut membekalkan atas permintaan tuan punya sa-sabuah kenderaan bermotor terhadap mana tanda pengenalan ada-lah di-tetapkan di-bawah Peratoran2 ini pelet yang menunjokkan tanda pengenalan kenderaan itu yang di-buboh di-atas-nya dan mengenakan bayaran bagi-nya.

Tempoh sah-nya Permit2 Peredaran Antarabangsa.

13. Sa-suatu Permit Peredaran Antarabangsa ada-lah sah di-pakai bagi suatu tempoh yang tidak melebihi sembilan puluh hari dari tarikh manakala kenderaan bermotor terhadap mana surat kebenaran itu di-keluarkan telah di-bawa ka-dalam Negeri ini dari luar negeri.

Penyerahan Permit2, dll., apabila kenderaan di-pechah-beraikan, dll.

14. Jika sa-sabuah kenderaan terhadap mana suatu Permit Peredaran Antarabangsa telah di-keluarkan di-pechah-beraikan, di-musnahkan atau di-jual atau dengan chara lain di-pindah milek kapada sa-sa-orang sa-lain dari orang kapada siapa permit tersebut telah di-keluarkan pada masa permit itu masch sah di-pakai, maka orang kapada siapa permit tersebut telah di-keluarkan hendak-lah dengan serta merta memberitahu Pehak Berkuasa Pendaftaran yang telah mengeluarkan permit itu tentang pemechah-beraian, pemusnahan, penjualan atau lain2 pemindahan milek, dan, dalam perkara sa-suatu penjualan atau lain2 pemindahan milek, tentang nama dan alamat orang kapada siapa kenderaan bermotor itu telah di-jual atau di-pindah milek, dan hendak-lah dalam pada itu menyerahkan kapada Pehak Berkuasa Pendaftaran tersebut permit dan surat pendaftaran yang di-keluarkan berthabit dengan kenderaan tersebut.

- Penyerahan permit dll., apabila kenderaan di-keluarkan dari Negeri ini.** 15. Jika pada atau sa-belum berakhir-nya tempoh sa-suatu Permit Peredaran Antarabangsa kenderaan bermotor terhadap mana permit itu telah di-keluarkan akan di-bawa keluar dari Negeri ini ka-suatu tempat di-luar negeri maka orang kepada siapa permit itu telah di-keluarkan hendak-lah dengan serta merta atau sa-belum kenderaan tersebut di-bawa keluar sa-bagaimana yang di-nyatakan tadi, mengikut di-bawa keluar sa-bagaimana yang di-nyatakan tadi, mengikut sa-bagaimana keadaan-nya, menyerahkan permit dan surat pendaftaran itu kepada Pihak Berkuasa Pendaftaran yang mengeluarkan permit dan surat pendaftaran tersebut.
- Tanda2 pengenalan akan ter-batal apabila kenderaan di-pegah beralkan, dll.** 16. Apabila sa-barang kenderaan bermotor terhadap mana suatu Permit Peredaran Antarabangsa telah di-keluarkan di-pegah berai, di-musnahkan atau di-bawah keluar ka-suatu tempat di-luar negeri atau di-jual atau sa-balek-nya di-pindah milek dari tuan punya itu kepada sa-sa-orang dalam Negeri ini, maka tanda pengenalan yang di-berikan kepada kenderaan itu di-bawah Peratoran II(ii) hendak-lah di-batalkan.
- Penyerahan Permit Peredaran Antarabangsa pada bila2 masa.** 17. Pada bila2 masa dalam tempoh Permit Peredaran Antarabangsa-nya maseh sah di-pakai mana2 orang boleh menyerahkan permit itu kepada Pihak Berkuasa Pendaftaran yang telah mengeluarkan-nya dan permit tersebut ada-lah sa-lepas itu tidak sah di-pakai.
- Pengechualian dari membayar bayaran2.** 18. Mana2 orang yang hendak mendapatkan suatu Permit Peredaran Antarabangsa di-bawah, dan hendak-lah sa-balek-nya mematohi, Peratoran2 ini akan di-kechualikan sa-masa permit itu maseh sah di-pakai, dari membayar bayaran2 yang boleh di-bayar dalam Negeri ini berthabit dengan kenderaan bermotor itu di-bawah Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya.
- Permohonan bagi mendapatkan lesen apabila berakhir-nya tempoh Permit Peredaran Antarabangsa.** 19. (1) Mana2 orang kepada siapa suatu Permit Peredaran Antarabangsa telah di-keluarkan berthabit dengan sa-sa-buah kenderaan bermotor hendak-lah, sa-belum menggunakan kenderaan itu dalam Negeri ini pada bila2 masa sa-lepas permit tersebut telah tidak lagi sah di-pakai, memohon dan mendapatkan suatu lesen khas di-bawah sharat2 Peratoran ini:

Dengan sharat bahawa lesen khas tersebut boleh di-nyatakan untuk berakhir tempoh-nya tidak lebih dari sembilan puloh hari dari tarikh berakhir-nya tempoh Permit Peredaran Antarabangsa itu.

(2) Bagi maksud2 Peratoran ini Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya ada-lah di-ubahsuai saperti berikut:—

- (i) jika tuan punya itu memuaskan hati Pegawai Melesen bagi kawasan pendaftaran di-mana ia-nya tinggal buat sementara bahawa kenderaan itu biasa-nya tidak di-simpan dalam mana2 kawasan pendaftaran dan bahawa ia tidak mempunyai tempat perniagaan utama atau alamat surat menyurat yang tetap dalam Negeri ini, maka permohonan bagi sa-suatu lesen boleh di-buat kepada Pegawai Melesen tersebut dan suatu lesen di-keluarkan oleh Pegawai Melesen itu;
- (ii) tuan punya itu hendak-lah, bersama2 dengan pengakuan-nya, mengemukakan kepada Pegawai Melesen tersebut Permit Peredaran Antarabangsa (melainkan telah pun di-serahkan kepada Pihak Berkuasa itu) serta sijil pendaftaran yang di-keluarkan kepada-nya;
- (iii) tanda pengenalan yang akan di-berikan oleh Pegawai Melesen ada-lah, jika orang yang membuat permohonan menurut Peratoran ini mahukan demikian, menjadi tanda pengenalan bagi kenderaan itu di-bawah Peratoran II.

BAHAGIAN IV

PEMANDU2 YANG TIBA DI-NEGERI INI DARI LUAR NEGERI.

Pemegang Permit2 Memandu Antara-bangsa atau Permit2 Memandu Dalam Negeri boleh memandu kenderaan bermotor.

20. (1) Ada-lah sah bagi mana2 orang, yang tinggal di-luar negeri dan berhajat untuk tinggal sementara di-Negeri ini, yang memegang suatu Permit Memandu Antarabangsa atau suatu Permit Memandu Dalam Negeri, untuk memandu dalam Negeri ini sa-sa-buah kenderaan bermotor apa jua jenis atau bentuk rupa-nya yang ia di-benarkan oleh surat kebenaran itu untuk memandu meski pun ia bukan pemegang sa-suatu lesen yang di-keluarkan di-bawah Bahagian IV dari Undang2 Lalu-Lintas Jalan Raya, 1954.

(2) Bahagian IV dari Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya, 1956, tidak akan di-kenakan kepada mana2 orang yang di-benarkan untuk memandu sa-sa-buah kenderaan bermotor di-bawah perenggan (1) dari peratoran ini.

BAHAGIAN V

'AM

- | | |
|--|--|
| Berkuasa Pehak Pendaftaran mem-benarkan pegawai2. | 21. Mana2 pegawai yang di-benarkan oleh Pehak Berkuasa Pendaftaran ada-lah di-beri kuasa untuk menjalankan sa-barang tugas atau menjalankan sa-barang kuasa Pehak Berkuasa Pendaftaran bagi maksud untuk melaksanakan Peratoran2 ini. |
| Rekod2 bagi kenderaan2 dan lesen2. | 22. Pehak Berkuasa Pendaftaran hendak-lah mengadakan dan menyimpan dalam bentok sa-bagaimana yang Pengawal boleh mengarahkan rekod2 bagi kenderaan2 bermotor terhadap mana Permit2 Peredaran Antarabangsa di-keluar-kan di-bawah Peratoran2 ini. |
| Pengechualian. | 23. Peratoran2 ini tidak akan di-kenakan terhadap sa-barang kenderaan bermotor yang di-gunakan untuk mengangkat barang2 bagi maksud2 sa-barang perdagangan atau per-niagaan atau untuk mengangkut penumpang2 kerana sewa atau upah. |
| Pemansohan | 24. Peratoran2 78 dan 100 dari Peratoran2 Lalu-Lintas Jalan Raya, 1956, ada-lah dengan ini di-mansohkan. |

Di-perbuat pada 11 haribulan May, 1977.

JUDIN ASAR
Jurutulis
Majlis2 Mashuarat,
Brunei.

JADUAL PERTAMA

BORANG PERMIT MEMANDU ANTARABANGSA
DI-BAWAH

KONVENSHEN 1949

Muka 1

NEGERI BRUNEI

LALU-LINTAS MOTOR ANTARABANGSA
PERMIT MEMANDU ANTARABANGSA

Di-keluarkan di-

Tarikh

Mohor atau chap (Tandatangan pehak berkuasa
pehak berkuasa. yang mengeluarkan)

Muka 2

Permit ini sah di-pakai dalam wilayah semua Negeri2 yang menyertai, kechuali negeri yang menyertai di-mana ia-nya di-keluarkan, bagi tempoh selama satu tahun dari tarikh pengeluaran-nya, untuk memandu kenderaan2 bermotor yang terkandung dalam jenis atau jenis2 yang di-nyatakan di-muka 3.

SENARAI NEGERI2 YANG MENYERTAI

Ada-lah di-fahamkan bahawa permit ini tidak sa-kali2 menyentoh kewajipan pemegang itu untuk menurut sa-tepat2-nya undang2 dan peratoran2 tentang tempat tinggal atau menjalankan sa-suatu pekerjaan yang di-kuatkuasakan dalam tiap2 negeri di-mana ia melakukan perjalanan.

Muka 3

Butir2 mengenai Pemandu

1. Alkonya
2. Nama2 lain
3. Tempat lahir
4. Tarikh Lahir*
5. Tempat tinggal tetap

Permit ini ada-lah sah di-pakai bagi kenderaan2 bermotor:

Motosikal2, dengan atau tanpa tempat penumpang di-sisi-nya, kereta sorong pesakit (invalid carriages), dan kenderaan bermotor tiga roda yang berat-nya tanpa muatan tidak lebih dari 400 kg. (900 pound) A

Kenderaan2 bermotor yang di-gunakan untuk mengangkut penumpang2 dan mempunyai, sa-lain dari tempat duduk pemandu, paling banyak lapan tempat duduk, atau kenderaan2 yang di-gunakan untuk mengangkut barang2 dan mempunyai kebenaran berat maksima yang tidak melebihi 3,500 kg. (7,700 pound). Kenderaan2 dari jenis ini boleh membawa sa-buah trailer kecil. B

Kenderaan2 bermotor yang di-gunakan untuk mengangkut barang2 dan yang mana had maksima berat-nya yang di-benarkan melebihi 3,500 kg. (7,700 pound). Kenderaan2 dari jenis ini boleh membawa sa-buah trailer kecil. C

Kenderaan2 bermotor yang di-gunakan untuk mengangkut penumpang2 dan mempunyai, sa-lain dari tempat duduk pemandu, lebih dari lapan tempat duduk, kenderaan2 dari jenis ini boleh membawa sa-buah trailer kecil. D

Kenderaan2 bermotor dari jenis B, C, atau D, sa-bagaimana di-benarkan di-atas, yang membawa sa-lain dari sa-buah trailer kecil E

“Berat maksima yang di-benarkan” bagi sa-buah kenderaan berma’ana berat sa-sabuah kenderaan itu dan had maksima muatan-nya apabila kenderaan itu siap untuk berjalan. “Had maksima muatan” berma’ana berat muatan yang boleh di-benarkan oleh pihak berkuasa yang layak negeri di-mana kenderaan itu di-daftarkan.

“Trailer2 kecil” ada-lah trailer2 yang had berat maksima-nya yang di-benarkan tidak melebihi 750 kg. (1,650 pound).

PENGECHUALIAN

Pemegang permit ini di-luchutkan hak-nya untuk memandu dalam
(Negeri)
dengan sebab

Mohor atau chap Tempat
pehak berkuasa Tarikh
Tandatangan

Pengechualian
(Negeri2)

Jika ruang di-atas telah di-penohi,
gunakan mana2 ruang yang di-sediakan
untuk “Pengechualian”.

Muka 4

1.
2.
3.
4.
5.

- | | | |
|---|-----------------------------------|-----------------------------------|
| A | Mohor atau chap
pehak berkuasa | Gambar |
| B | Mohor atau chap
pehak berkuasa | |
| C | Mohor atau chap
pehak berkuasa | Mohor atau chap
pehak berkuasa |
| D | Mohor atau chap
pehak berkuasa | |
| E | Mohor atau chap
pehak berkuasa | |

.....
Tandatangan Pemegang **

PENGECUALIAN

(Negeri2)

- | | |
|-----------|------------|
| I. | V. |
| II. | VI. |
| III. | VII. |
| IV. | VIII. |

* atau umur lebih kurang atau tarikh pengeluaran

** atau chap itu jari.

Jadual Kedua
(Peratoran 6)

PENGAKUIAN DAN PERMOHONAN BAGI
MENDAPATKAN SUATU PERMIT PEREDARAN
ANTARABANGSA

Saya memohon supaya tuan mengeluarkan kepada saya
suatu permit bagi kenderaan bermotor yang di-nyatakan
di-bawah:

1. Jenis kenderaan bermotor (mithal-nya kereta, moto-
sikal, dll.)
2. Buatan kenderaan bermotor
3. Nombor badan
4. Nombor enjin
5. Bentok
6. Warna
7. Bilangan tempat duduk
8. Huruf2 dan nombor2 di-pelat pengenalan (jika ada)
.....

Saya berjanji akan menyerahkan permit itu pada atau sa-
belum berakhir tempoh-nya kepada Pehak Berkuasa yang
telah mengeluarkan-kan; Saya mengaku bahawa saya berhajat

Saya berjanji akan menyerahkan permit itu pada atau sa-
belum berakhir tempoh-nya kepada Pehak Berkuasa yang
telah mengeluarkan-nya; Saya mengaku bahawa saya berhajat
untuk tinggal sementara di-Negeri Brunei; Saya faham
bahawa jika saya menggunakan kenderaan bermotor itu di-
jalan2 raya awam di-Negeri Brunei pada bila2 masa apabila
saya tidak memegang Permit Peredaran Antarabangsa yang
sah, saya boleh di-kehendaki untuk membuat pendaftaran biasa
dan/atau membayar bayaran lesen dan saya mengaku bahawa
saya telah tidak memegang Permit Peredaran Antarabangsa
dalam masa dua belas bulan yang lalu kechuali saperti berikut:

Tempat di-keluarkan

Tempoh lebih kurang ia-nya di-gunakan

Tandatangan tuan punya

Nama penoh

(dengan HURUF2 BESAR)

No. Passport

Tarikh dan tempat mengeluarkan

Alamat di-Brunei
 Tempat tinggal tetap
 (Alamat rumah)
 Tempat masok
 Tarikh masok
 No. Permit tarikh di-keluarkan
 tarikh berakhir Negeri di-mana kenderaan
 bermotor itu di-daftarkan Sijil
 Insuran/Surat Akuan Sementara di-keluar-
 kan oleh pada
 berakhir pada

Jadual Ketiga
(Peratoran 7)

BENTOK PERMIT PEREDARAN ANTARABANGSA

